

09 OCT 2003

AEROANGKASA-PAKAR

MALAYSIA AKAN PUNYAI RAMAI PAKAR AEROANGKASA

KOTA BAHARU, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia kini sedang bekerjasama dengan Russia bagi melahirkan ramai pakar tempatan dalam bidang aeroangkasa yang beberapa tahun lagi mampu membina kapal terbang dengan rekabentuk sendiri.

Presiden Defense, Medical and Aerospace Research Laboratory Sdn Bhd, Ir Ismail Ibrahim berkata bagi tujuan itu, sebuah syarikat iaitu Malaysian-Russian Aerospace Design Bureau (M) Sdn Bhd telah ditubuhkan.

Majlis menandatangani perjanjian penubuhan syarikat berkenaan antara Defense, Medical and Aerospace Research Laboratory Sdn Bhd dan sebuah syarikat dari Russia iaitu Mohamedov Flugzenbau GmbH berlangsung di sini, semalam.

Ismail mewakili syarikat dari Malaysia itu manakala syarikat Russia terbabit diwakili Presidennya, Fatidin Moukhamedov.

Mohamedov Flugzenbau, sebuah syarikat yang terkenal dalam bidang aeroangkasa terutamanya, ditugaskan membuat reka bentuk awal pesawat termasuk jet pejuang jenis MiG 29.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis tersebut, Ir Ismail berkata Malaysian-Russian Aerospace Design Bureau itu akan bertanggungjawab dalam kerja-kerja menyelidik, mencipta dan menghasilkan kapal terbang jenis amfibia.

Beliau berkata pada peringkat permulaan seramai 50 graduan dari Universiti Sains Malaysia (USM) akan dihantar ke Moscow Aviation Institute pada awal tahun depan bagi mendapatkan kepakaran dalam bidang aeroangkasa selama setahun.

Katanya apabila mereka pulang ke Malaysia, mereka akan bertugas dengan syarikat tersebut dengan pengawasan pakar-pakar dari Russia.

"Kita harap dengan cara ini akan dapat memindahkan teknologi aeroangkasa daripada pakar-pakar Russia kepada rakyat (Malaysia) supaya kita dapat menghasilkan sepenuhnya kapal terbang rekabentuk tempatan dalam tempoh lima hingga tujuh tahun lagi," katanya.

Beliau menganggarkan projek berkenaan akan membabitkan kos sebanyak RM50 juta.

Katanya usaha supaya ramai rakyat Malaysia menguasai kepakaran dalam bidang aeroangkasa mendapat dorongan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ditanya sebab memilih kapal terbang dengan 10 hingga 14 tempat duduk untuk dibina di negara ini, beliau berkata kajian pihaknya mendapati masih terdapat banyak tempat di Sabah dan Sarawak yang tidak dapat dihubungi menggunakan jalan darat di samping pesawat itu mudah diubahsuai sebagai pesawat amfibia.

Beliau berkata kilang pembuatan kapal terbang tersebut berkemungkinan dibina di Kelantan. Bagaimanapun tarikh pembinaannya belum ditetapkan lagi.

"Kita harap kilang itu dibina di Kelantan kerana (kini) ramai anak-anak muda dari negeri itu terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur mencari pekerjaan.

"Kalaulah kilang itu ada di sini, mereka tidak perlu lagi ke Kuala Lumpur kerana kita memerlukan kira-kira 600 orang untuk bekerja dalam kilang itu," katanya.

Ir Ismail berkata pembinaan kilang itu juga sebagai usaha membantu graduan tempatan mempraktikkan kemahiran yang mereka miliki.

-- BERNAMA

BD NHD